

# PM jelas punca caruman KWSP dikurangkan 2%

UM 30 MAR 2001

Oleh ISMAIL DAUD  
dan YUSRI SAHAT

**K**UALA LUMPUR 29 Mac – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan pengurangan caruman dua peratus dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dibuat kerana kerajaan tidak mampu menaikkan gaji pekerja.

Perdana Menteri mengakui dalam situasi ekonomi negara yang kurang menentu ekoran kelambapan ekonomi di Amerika Syarikat (AS) sekarang, kerajaan tidak mampu berbuat demikian.

Bagaimanapun, kata beliau, kerajaan sedia mengkaji semula langkah tersebut jika banyak pihak tidak bersetuju dengan pengurangan kadar dua peratus caruman pekerja tersebut.

“Jika kita tidak buat pengurangan sebanyak dua peratus, mereka (kesatuan sekerja) minta naikkan gaji. Kita tidak mampu sekarang ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Forum Teknologi Makmal Koridor Raya Multimedia (MSC) di sini, hari ini.

Beliau mengulas cadangan beberapa pihak termasuk Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja

di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang meminta kerajaan mengkaji semula cadangan mengurangkan dua peratus caruman pekerja dalam KWSP.

Setiausaha Agung MTUC, G. Rajasekaran berkata, kerajaan harus memahami kedudukan pekerja swasta yang bergantung sepenuhnya kepada simpanan mereka dalam KWSP sebagai bekalan apabila bersara.

Sebagai ganti kepada cadangan itu, kata beliau, kerajaan harus mendahulukan cadangan MTUC untuk mendapatkan gaji minimum RM900 kepada pekerja.

Kelmarin, Perdana Menteri, mengumumkan beberapa langkah drastik dalam membendung kelembapan ekonomi (AS) termasuk mengurangkan caruman pekerja sebanyak dua peratus dalam KWSP.

Langkah itu bertujuan menggalakkan rakyat berbelanja bagi merancakkan ekonomi negara.

Pengurangan tersebut bagaimanapun mendapat pelbagai reaksi daripada kalangan pencarum.

Dalam pada itu, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan mengambil kira sedikit sebanyak daripada pengurangan dua peratus tersebut sebagai pendapatan bercukai.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Dr. Mahathir menjelaskan, setakat ini, kerajaan tidak bercadang untuk memberi opsyen kepada pencarum berhubung pengurangan dua peratus itu.

“Kita wajibkan pengurangan itu kepada semua pencarum. Susah kalau kita buat secara sukarela,” jelasnya.

Ditanya sama ada pengurangan itu akan melibatkan pindaan dalam Akta KWSP, beliau menjelaskan: “Itu saya tidak tahu. Apa yang saya tahu ialah kurang.”

Dr. Mahathir memberitahu, KWSP menerima caruman sebanyak RM1.6 bilion sebulan termasuk dalam bentuk pelaburan yang dibuat oleh agensi tersebut.

“Adalah lebih baik membelanjakan sedikit, bukannya besar dalam tempoh sementara ini,” katanya.

Beliau memberi jaminan bahawa pengurangan itu tidak akan menjejaskan simpanan para pencarum.

Menurut Perdana Menteri, kadar simpanan KWSP adalah kira-kira 40 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Tambah beliau, KWSP merupakan antara tabung terbesar berbanding tabung-tabung simpanan yang wujud di negara lain di dunia.

Bagaimanapun, kerajaan akan mengkaji semula pertumbuhan KDNK iaitu tujuh peratus tahun ini, kepada lima atau empat peratus, memandangkan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat lebih teruk daripada yang dijangka.

“Walaupun dengan kajian semula angka pertumbuhan ini, Malaysia masih lagi mendahului negara-negara lain,” katanya sambil menambah, kerajaan akan terus mengekalkan tambatan ringgit-dolar AS pada RM3.80.

Ditanya bagaimana kerajaan membiayai belanjawan tambahan RM3 bilion itu, Dr Mahathir berkata butiran lanjut sedang dirangka oleh Kementerian Kewangan.

“Tetapi kita tahu kita boleh memperolehi wang sebanyak itu. Belanjawan tambahan ini adalah untuk tahun ini. Untuk tahun depan, kerajaan akan mengkaji sama ada akan terus meningkatkan belanjawan bagi merangsang ekonomi,” katanya.

Perdana Menteri juga berkata, satu pasukan khas juga diwujudkan di Kementerian Kewangan bagi memantau pelaksanaan projek baru dan projek yang sudah diluluskan.

“Malah, kementerian dikehendaki memberi laporan setiap minggu kepada saya mulai sekarang mengenai bagaimana wang dibelanjakan. Jika lambat, kita mahu mereka memberi penjelasan. Kita mahu wang yang diperuntukkan, dibelanjakan,” katanya.

Mengenai langkah menggalakkan kepenggunaan, Dr Mahathir menjelaskan ia bertujuan untuk menggalakkan orang ramai berbelanja lebih.

“Saya rasa setiap kali seseorang berbelanja, mereka menyumbang kepada rangsangan ekonomi. Malah, jika mereka berbelanja, membeli sesuatu... ada orang dapat untung dan seperti diketahui, kerajaan mengenakan cukai ke atas keuntungan itu,” katanya.

Ditanya sama ada kerajaan bercadang mengurangkan kadar faedah, beliau berkata kadar faedah di negara ini adalah rendah berbanding banyak negara lain di rantau ini. Malah, kadar itu banyak membantu sektor perniagaan mendapatkan pembiayaan.